

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 3/1986

PROSEDUR BARU BAGI MEMBERI KELULUSAN MENDIRI STESEN MINYAK
YANG AKAN DIBINA OLEH PENGUSAHA SENDIRI

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan mengenai prosedur baru bagi mengambil tindakan memproses permohonan tukar syarat dan pecah sempadan tanah untuk mandiri stesen minyak yang akan dibina dan diurus perniagaanya oleh pemilik tanah atau pengusaha sendiri. Prosedur ini tidak dipakai bagi stesen minyak yang akan dibina oleh syarikat-syarikat minyak sendiri atau yang akan dibina di atas tapak-tapak yang telah pun ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam satu-satu kawasan pembangunan.

2. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diberi tanggungjawab dan kuasa melesen semua kegiatan mengedar atau memasar bahan-bahan petrolium serta keluaran petrol / kimia di bawah Seksyen 6 (3) Akta Kemajuan Petrolium 1974. Bagi maksud kawalan kegiatan mengedar, empat jenis lesen dikeluarkan iaitu -

- (a) Memasar borong barang-barang petrolium ;
- (b) memasar runcit bahan-bahan petrolium melalui stesen minyak ;
- (c) membekal perhidmatan bunker ke kapal-kapal ;
- (d) mengangkut bahan-bahan petrolium.

Dalam pengeluaran lesen-lesen ini pertimbangan khas diberi bagi penyertaan bumiputera.

3. Mengikut prosedur sekarang permohonan untuk mendapat lesen mengusaha stesen minyak dikehendaki menunjukkan bukti kelulusan tukar syarat tanah dan juga kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendirikan stesen minyak. Di dalam menimbang permohonan mandiri stesen-stesen minyak, Kementerian mengambil perhatian di atas 'viability' stesen minyak yang dipastikan sendiri oleh syarikat minyak atau pun pemohon yang berkenaan. Di dalam hal ini dalam kebanyakan kes, Kementerian tidak mempunyai pilihan melainkan memberi kelulusan lesen memandangkan pemohon telah menyumbangkan masa, tenaga dan perbelanjaan yang besar.

4. Memandang kepada keadaan yang tersebut Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mencadangkan satu prosedur baru bagi memproses permohonan tukar syarat tanah untuk mendirikan stesen minyak oleh pemilik-pemilik tanah. Cadangan ini telah dibincang dan dipersetujukan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Jajahan yang bersidang pada 12hb. Julai, 1986. Mulai tarikh kuatkuasa arahan ini semua permohonan-permohonan untuk tukar syarat tanah kepada jenis perniagaan untuk digunakan sebagai stesen minyak petroleum hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi dinilai dan ditentukan dari segi 'viability' serta untuk memastikan pemohon memenuhi syarat-syarat di bawah Akta Petroleum 1974.

5 Pentadbir Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta supaya mengambil perhatian diatas prosedur baru ini.

t.t
(HJ.ISMAIL B.HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
KOTA BHARU**

BERTARIKH: 20HB. SEPTEMBER, 1986

FAIL : P.T.G.KN. 6080/(11)

KEPADA:-

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

SALINAN KEPADA :-

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
4. YABrs. Juruaidit Negeri Kelantan.
5. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
7. YABrs. Pegawai Tadbir dan Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG.